



# KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

# SIARAN MEDIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 (99) 01/01

## PERUTUSAN TAHUN BAHARU MINDEF 2024 FOKUS UTAMA DALAM MENCAPAI VISI MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG SELAMAT, BERDAULAT DAN MAKMUR

**KUALA LUMPUR, 9 Januari 2024** - Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah menyampaikan Perutusan Tahun Baharu bagi tahun 2024 bertempat di Auditorium Wisma Pertahanan, Kementerian Pertahanan, hari ini. Majlis ini merupakan satu medium bagi menjelaskan perancangan dan hala tuju Kementerian Pertahanan serta hasrat YB Menteri Pertahanan selaku peneraju Kementerian bagi tahun 2024.

Dalam amanatnya, YB Menteri Pertahanan memfokuskan lima (5) fokus utama yang menjadi tunjang kepada perutusan bagi tahun ini seperti berikut:

1. Memastikan sistem pertahanan negara bukan sahaja sentiasa dalam keadaan bersedia, tetapi dihormati kawan dan lawan.
2. Membangunkan dan mengemas kini perancangan pertahanan yang lebih terkini.
3. Kebajikan dan pembangunan kapasiti.
4. Patriotisme sebagai benteng pertahanan terbaik negara.
5. Malaysia dan keamanan sejagat.

YB Menteri Pertahanan seterusnya menyaksikan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kementerian Pertahanan Malaysia dengan Institut Integriti Malaysia. Objektif MoU tersebut ialah untuk membantu dan menyokong satu sama lain dalam program-program kesedaran, advokasi, penyelidikan dan pengukuhan mengenai dasar, nilai integriti, tata kelola dan antirasuah dalam sektor awam juga sektor korporat di Malaysia. Seterusnya sebagai usaha sama dalam penglibatan sektor awam dan sektor korporat bagi menjadi ahli kepada Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM).

Majlis ini juga telah menyaksikan pelancaran Imej Korporat baharu bagi Kementerian Pertahanan yang mencerminkan MINDEF ke arah Pemodenan. Reka bentuk tersebut melambangkan Kementerian Pertahanan sebagai kementerian yang sentiasa mengamalkan nilai-nilai sepunya seperti Integriti, Cekap dan Profesional dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan.

📍 Jalan Padang Tembak 50634 Kuala Lumpur, MALAYSIA

Majlis Amanat Tahun Baru Menteri Pertahanan kali ini turut disiarkan melalui platform Zoom akaun ke seluruh Formasi Tentera Darat, Markas Tentera Laut, serta Markas Tentera Udara.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly bin Zahari; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Isham bin Ishak; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab Rahman; Pengurusan Tertinggi Kementerian Pertahanan, Panglima-panglima Perkhidmatan, Pegawai-pegawai Kanan Awam dan ATM.

**-TAMAT-**

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

Kementerian Pertahanan Malaysia

9 Januari 2023